



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI ISNIN, 30HB., SYA'ABAN 1445 / 11HB., MAC 2024  
(HARI KESEPULUH)**

**1. Do'a Selamat**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya pada hari Sabtu, 9hb Mac 2024 semasa perbahasan Tajuk SC01A bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

**2.2. KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.

2.2.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
  - Mencadangkan bagi peluang penglibatan dalam syarikat koperasi untuk dipromosikan secara meluas khususnya dikalangan generasi baru; dan

- Mencadangkan untuk dibuat penelitian terhadap peraturan dan syarat di dalam tender dokumen dengan mengambilkira mengenakan denda atas kelambatan kontraktor.
- ii. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;
- Memohon pencerahan mengenai penggunaan sistem pembayaran tanpa tunai (*cashless*) di kaunter-kaunter pembayaran di jabatan-jabatan kerajaan, pos kawalan imigresen dan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei serta urusan pembayaran cukai *duty import*.
- iii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
- Menyentuh mengenai tren perniagaan masa kini di Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berubah dengan cepat terutamanya dalam perdagangan sosial yang melibatkan tren perniagaan alternatif secara dalam talian dan mengalihkan operasi perniagaan ke platform digital bagi mencari alternatif baru mempromosikan, menjual dan menawarkan produk-produk perniagaan seperti menyediakan aplikasi, layanan self pick-up di kedai, penggunaan laman web yang mudah dibuka melalui telefon bimbit dan penggunaan live chat; dan
  - Memohon pencerahan mengenai tren perniagaan yang terus berkembang dan jenis perniagaan yang diceburi oleh anak tempatan serta perancangan dan usaha pihak kerajaan ke arah memastikan tren perniagaan ini dimanfaatkan terutamanya untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi memperkukuhkan ekonomi negara.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
- Memohon pencerahan mengenai langkah-langkah dan pelan tindakan Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui agensi-agensi tertentu dalam memastikan syarikat minyak dan gas terus melabur dalam usaha

- penyegaran dan pemulihan aset dan mencari operator baru untuk meneroka dan membangun *marginal field*;
- Menyoalkan usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi membetulkan laporan *ASEAN 2023 Investment Report* agar pelabur asing yang berminat melabur di Negara Brunei Darussalam tidak salah anggap bahawa suasana pelaburan negara tidak kondusif;
  - Memohon pencerahan mengenai penghalang utama yang menyebabkan ketidakberhasilan perundingan bersama pelabur-pelabur langsung asing dan bagaimana Kementerian Kewangan dan Ekonomi menambah baik pendekatannya untuk mendapatkan syarat-syarat dan terma yang menguntungkan kedua belah pihak;
  - Menyoalkan bagaimana Kementerian Kewangan dan Ekonomi dapat melibatkan sektor swasta secara aktif untuk melengkapkan usaha kerajaan dalam mencapai sasaran *Foreign Direct Investment (FDI)*;
  - Menyoalkan bagaimana Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyampaikan dengan berkesan manfaat-manfaat yang ditawarkan dalam *Free Trade Agreement (FTA)* kepada peniaga tempatan khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKMS);
  - Menyarankan Kementerian Kewangan dan Ekonomi membuat siasatan terperinci kepada peniaga-peniaga asing agar memastikan ketelusan dan pematuhan peraturan kewangan dan menjaga integriti ekonomi negara;
  - Menyoalkan bagaimana penilaian positif *Ease of Doing Business* telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan apakah sumbangannya terhadap jumlah peratusan pendapatan kewangan negara dan bagaimana inisiatif-inisiatif ini menyumbang kepada pengurangan pengangguran;
  - Menyoalkan jika analisis terperinci dijalankan untuk penyelesaian projek-projek RKN-11 dan prestasi

kewangannya serta berapa projek-projek yang diselesaikan tepat masanya mengikut bajet dan pelajaran yang dapat dipelajari agar memastikan pelaksanaan RKN-12 lebih baik;

- Menyarankan penguatkuasaan kutipan cukai dari peniaga-peniaga di negara untuk dipertingkatkan dan diperkuatkan;
  - Memohon pencerahan mengenai usaha untuk merebiu kutipan cukai dari peniaga-peniaga yang belum berdaftar, serta memastikan peniaga-peniaga ini berdaftar dengan *Register of Companies* agar menjadi Sendirian Berhad dan menyediakan *audited account*;
  - Menyarankan untuk merebiu perusahaan pemaju pembinaan rumah yang tidak berdaftar dalam menyumbang kepada kutipan cukai;
  - Menyarankan individu dan *enterprise* yang mempunyai deretan rumah sewa dan kedai yang mengutip sewa bulanan untuk membayar cukai;
  - Ingin mengetahui jika semua perniagaan atau perusahaan yang mendapat kontrak dengan kerajaan sudah berdaftar dan membayar cukai mereka;
  - Menjelaskan bahawa *fly-by-night operators* dari luar negara yang datang ke Negara Brunei Darussalam bagi satu pameran dan kemudian balik ke negara asal tanpa membayar sebarang cukai menjejaskan dan merosakkan perdagangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dan tidak menyumbang kepada ekonomi negara.
- v. Yang Berhormat Awang Lau How Teck;
- Menyentuh mengenai perbandingan harga barangan yang sangat ketara di negeri jiran berbanding dengan harga di Negara Brunei Darussalam yang dipengaruhi oleh faktor '*purchasing power*' dan '*parallel imports*'; dan
  - Memohon pencerahan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi terutamanya dari segi aspek memberi

kemudahan dan insentif ke arah memberikan kesejahteraan, kesenangan dan keselesaan serta menggalakkan rakyat untuk berbelanja di dalam negara bagi menyokong ekonomi tempatan.

- vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
- Menyoalkan kemungkinan bagi peruntukan di bawah projek rampaian dan projek berfokus digunakan untuk memperbaiki bangunan-bangunan kerajaan yang terbiar sebagai sebahagian daripada pelaburan pihak kerajaan;
  - Ingin mengetahui langkah-langkah yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi menangani isu mesin-mesin x-ray yang tidak berfungsi dan kerap rosak dan juga strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan mesin-mesin x-ray sentiasa berfungsi bagi barang-barang *import* dan *export* bagi menjamin dan menjaga sekuriti negara;
  - Menyoalkan sekiranya ada kajian untuk menganalisa kesan *spin-off* dan jumlah syarikat tempatan yang terlibat dan mendapat manfaat keuntungan dari pembangunan Fasa 1 Syarikat Hengyi bermula dari peringkat perancangan hingga operasi;
  - Ingin mengetahui jumlah syarikat di bawah Darussalam Assets yang bertaraf dunia, dan sama ada syarikat berkenaan dikenakan *external audit* selain menggunakan *internal audit* dan audit Juruaudit Agung dan memohonkan pencerahan akan hasil pengauditan;
  - Ingin mengetahui mengenai jumlah hasil kewangan syarikat-syarikat tersebut sama ada mengaut keuntungan atau sebaliknya, dan adakah dapat untuk berdiri sendiri daripada *cash flow* yang positif, dan menyoalkan sekiranya tidak mendapat keuntungan, masihkah kerajaan terus memberikan suntikan dana kepada syarikat berkenaan;

- Ingin mengetahui jika *Darussalam Assets* melantik syarikat *independent* dari sektor swasta bagi memantau syarikat di bawah *Darussalam Assets*;
- Menyoalkan sekiranya dipertimbangkan bagi keahlian bagi Majlis Penyeliaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan *Darussalam Assets* terdiri dari sektor swasta.

2.2.3. Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

**2.3. KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A.
- 2.3.2. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pendidikan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.3.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, iaitu:
  - i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
    - Ingin mengetahui usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan pihak Kementerian Pendidikan dalam memastikan keupayaan (*capacity*) dan kesediaan (*readiness*) dari segi infrastruktur digital dan kemudahan (*connectivity and devices*) dan kapasiti serta *mindset* tenaga para guru dan pemimpin sekolah ke arah *work and future ready*;
    - Ingin mengetahui inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan dalam mengekalkan kesinambungan

amalan terbaik penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran pasca pandemik;

- Menyoalkan perkembangan projek-projek utama teknologi pendidikan seperti Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System, LMS*), Sistem Pengurusan Sumber Digital (*Digital Resource Management System, DRMS*), Televisyen Kementerian Pendidikan (*MoE TV*), dan Bilik Darjah Pintar (*Blended Learning*). Ingin mengetahui sama ada projek-projek tersebut sudah ditanda araskan dengan amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh sistem-sistem pendidikan yang bertaraf tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa serta sejauh mana ianya telah memberi impak kepada pelajar;
- Menyoal sejauh mana penggunaan bantuan-bantuan seperti *Device Donation Drive* dan Bantuan Khas dapat membantu dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah bidang teknologi pendidikan ke arah menjana ekosistem pendidikan yang inovatif; dan
- Menyoal berkenaan dengan perancangan Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan penggunaan *e-Textbook* atau *e-Book* untuk mengurangkan beban pelajar.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;

- Ingin mengetahui usaha dan inisiatif Kementerian Pendidikan dalam memperluaskan dan meningkatkan pendidikan dan kemahiran *STEAM (Science, Technology, Engineering, Design & Technology, Art, and Mathematics)* khususnya bagi pelajar sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi serta inisiatif-inisiatif lain bagi menyokong pelaksanaan *STEAM* tersebut;
- Ingin mengetahui bagaimana Kementerian Pendidikan dapat memastikan inisiatif yang dilaksanakan dapat meningkatkan potensi *6Cs (Character, Citizenship, Collaboration, Communication, Creativity, and Critical*

*Thinking*) dan jika Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk meluaskan jaringan kerjasama dengan pihak luar khususnya negara-negara maju dalam sistem pendidikan seperti Finland, Estonia dan Singapura;

- Mencadangkan Kementerian Pendidikan menggunakan mesin *incinerator* bagi kegunaan penghapusan dan pelupusan buku-buku dan sebagainya bagi memudahkan proses penghapusan yang lebih selamat dan tidak mencemar alam.

iii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;

- Ingin mengetahui perkembangan dan status terkini projek kerja-kerja tanah dan infrastruktur kampus kekal UNISSA di Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu, Daerah Temburong dan juga kampus kekal Politeknik Brunei di Ika Bandung;
- Ingin mengetahui inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan terutamanya bagi institusi pengajian tinggi untuk menyokong inisiatif keusahawanan; dan
- Menyoalkan sekiranya ada kaji selidik yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan mengenai status keberadaan graduan institusi pengajian tinggi, samaada bekerja atau sebaliknya.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;

- Ingin mengetahui tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam menangani masalah kes buli pelajar sekolah dan jika terdapat laporan terbaru kes buli sejak yang dibuat oleh *Programme for International Student Assessment (PISA) 2018*;
- Menyoalkan berkenaan kelewatan keputusan permohonan dan penerimaan *voucher* Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT) bagi pelajar-pelajar yang memerlukan;
- Ingin mengetahui sekiranya kadar elaun yang diterima oleh pelajar biasiswa di negara-negara maju



seperti Australia, United Kingdom dan Ireland akan direbiu semula; dan

- Ingin mengetahui mengenai strategi Kementerian Pendidikan untuk *PISA* 2025.

v. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;

- Ingin mengetahui jika Kementerian Pendidikan ada membuat kajian terhadap keberkesanan pelaksanaan pelan strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 serta pencapaian dan juga penambahbaikan yang boleh dikongsikan daripada kajian tersebut;
- Memohon pencerahan mengenai perkembangan Sekolah Khas Swasta pada masa ini dan usaha-usaha Kementerian Pendidikan yang sedang dan akan dilaksanakan dalam memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas tidak ketinggalan dalam pelaksanaan pengintergrasian pendidikan ugama;
- Menyoalkan sekiranya kanak-kanak berkeperluan khas perlu mematuhi Pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 iaitu umur wajib bersekolah umur 6 tahun kepada umur 5 tahun; dan
- Ingin mengetahui bagaimana pihak Kementerian Pendidikan menangani hal ehwal kesejahteraan guru mahupun kakitangan bukan guru serta contoh program-program yang telah disediakan untuk menjaga kesejahteraan guru.

vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;

- Memohon pencerahan mengenai sasaran keputusan BGCE 'O' Level tahun 2023 yang tidak tercapai serta langkah-langkah strategik Kementerian Pendidikan untuk mencapai sasaran;
- Ingin mengetahui berkenaan sasaran keputusan BGCE 'O' Level yang masih lagi kekal pada kadar 60% bagi tahun ini sehingga tahun 2027;
- Ingin mengetahui daripada 43% jumlah yang mendapat 5 'O' level, berapakah peratus yang

- mempunyai kredit dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik;
- Ingin mengetahui adakah sasaran Kementerian Pendidikan tercapai dalam peringkat tinggi, teknikal dan vokasional dan peranan Kementerian Pendidikan dalam membantu meningkatkan lepasan ijazah untuk mendapatkan pekerjaan;
  - Ingin mengetahui mengenai pelan tindakan strategik Kementerian Pendidikan untuk menyelaraskan keperluan tenaga pengajar apabila sekolah-sekolah baharu dan tambahan bangunan sekolah dalam RKN-12 mula beroperasi;
  - Menyoalkan mengenai *output* dan sasaran yang akan didapati dari projek *Government School Network Infrastructure Upgrade* dan projek *School Enterprise Resource Planning System* dan apakah Kementerian Pendidikan sudah mengambil kira *alignment* dan keperluan *software* dalam perbelanjaan ini;
  - Menyoalkan mengenai penggunaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sukat-sukat bagi menilai keberkesanan inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan bagi pendidikan *STEAM*;
  - Memohon pencerahan mengenai tambahan *set of skills* yang perlu ada pada belia-belia negara bagi menyumbangkan dan menjayakan Wawasan Brunei 2035 dan menyoal adakah pensejajaran agensi yang berkepentingan untuk memupuk *set of skills* dalam menyediakan pelajar yang *future ready*;
  - Memohon pencerahan jumlah bilangan anak tempatan di Institusi Pengajian Tinggi yang telah sepenuh masa menceburi di dalam aspek penyelidikan, sains dan teknologi digital dan setakat mana program-program dan hasil penyelidikan ini di komersialkan;
  - Mengharapkan lebih banyak usaha pensejajaran dan koordinasi terutama bagi membina rangkaian kerja dalam aspek *capacity building* dalam mencapai sasaran penyelidikan, pensejajaran dan koordinasi

bukan sahaja dari segi akademik tetapi dari cara sistem pendidikan sendiri untuk mengolah cara berfikir pelajar-pelajar secara holistik dan memuatkan strategik *tactical positive thinking* dari peringkat teras hingga peringkat institusi pengajian tinggi serta menyoal mengenai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan hasil yang dapat dipetik dari usaha ini;

- Memohon pencerahan berkenaan jumlah graduan yang telah berhasil menamatkan pengajian dari Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP, *Student Education Loan*) dan jumlah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang peringkat kelas pertama dan kelas dua daripada skim ini;
- Membangkitkan cadangan daripada ibu bapa untuk menambah bilangan pelajar serta memperluaskan bidang dan kursus-kursus bagi Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP).

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI RABU, 13HB MAC 2024 JAM 10.00 PAGI]**

---